


CONTACT US

REGIONAL CORRIDOR DEVELOPMENT AUTHORITY (RECODA)
Level 1,2,5 & 6, LCDA Tower, Lot 2879, The Isthmus,
Off Jalan Bako, 93050, Kuching
Tel: +60-82 - 551 199 / 082 - 551 189 Fax: +60-82 - 551 190



 [recodasarawak](https://www.facebook.com/recodasarawak)  [recoda_sarawak](https://www.instagram.com/recoda_sarawak)
 <https://www.linkedin.com/company/recoda/>
 [recoda_sarawak](https://twitter.com/recoda_sarawak)



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI RECODA

ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)
REGIONAL CORRIDOR DEVELOPMENT AUTHORITY
(RECODA)

2021-2025

AMANAT PEGERUSI RECODA DATUK PATINGGI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI TUN DATUK ABANG HAJI OPENG



Tahniah dan syabas kepada RECODA di atas usaha gigih membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi RECODA (2021-2025). Komitmen ini membuktikan bahawa RECODA komited bersama-sama merealisasikan aspirasi nasional untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang dikenali kerana amalan integriti yang mantap dalam sistem pentadbirannya.

Inisiatif ini adalah sejajar dengan pelan seperti yang termaktub dalam Pelan Antirasuah Kebangsaan (NACP) 2019-2023 di bawah inisiatif 2.1.5 yang mewajibkan sektor awam dan inisiatif 6.2.1 yang turut mewajibkan Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

Ekoran seruan NACP, Kerajaan Sarawak menetapkan kesemua Kementerian, Pentadbiran Bahagian, Jabatan dan Badan-Badan Berkanun Negeri mestilah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bagi organisasi masing-masing.

Saya percaya pendekatan strategik dan komprehensif melalui OACP RECODA (2021-2025) ini akan menjadi usaha penting untuk mencegah gejala rasuah dalam organisasi yang begitu penting dalam program pembangunan Negeri Sarawak. Sudah pasti kredibiliti RECODA sebagai sebuah agensi pembangunan juga akan dinilai berdasarkan amalan governans yang cemerlang.

Saya amat yakin sasaran RECODA ke arah merancang dan melaksanakan program pembangunan dan aktiviti ekonomi secara tersusun, kompetitif, mampan serta berpandangan jauh akan menjadi lebih berkesan jika organisasi bersih daripada amalan rasuah.

Saya menaruh penuh kepercayaan RECODA mampu melaksanakan Pelan Antirasuah Organisasi RECODA (2021-2025) dengan penuh komitmen keseluruhan jentera organisasi sejajar dengan aspirasi menjadikan RECODA organisasi yang dikenali kerana Integriti, Kejujuran, Akauntabiliti dan Profesionalisme.

Marilah bersama-sama kita membudayakan nilai antirasuah di semua peringkat organisasi dalam RECODA.

***"Whoever is careless with the truth in small matters cannot be trusted with important matters."* Albert Einstein**

Terima kasih.

**DATUK PATINGGI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN
ZOHARI TUN DATUK ABANG HAJI OPENG**

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DATU HAJI ISMAWI BIN HAJI ISMUNI



Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh,

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah S.W.T, dengan limpah kurniaNya, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) RECODA (2021-2025) telah berjaya dibangunkan.

Pada 21 hingga 23 Disember 2020, Bengkel Pembangunan OACP RECODA, dengan penglibatan daripada pengurusan dan sokongan dari semua bahagian dan seksyen dalam RECODA telah berlangsung dengan jayanya.

Bengkel tersebut merupakan medium perbincangan kondusif dalam kalangan bahagian dan seksyen RECODA, dengan dibantu oleh Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION) bersama fasilitator-fasilitator bertauliah bagi mengenalpasti risiko dan merancang inisiatif dan pelan tindakan dari aspek Governans, Integriti dan Antirasuah.

OACP RECODA adalah dasar integriti di peringkat organisasi yang menggariskan rancangan komprehensif lima (5) tahun bermula 2021 hingga 2025. Ia merupakan panduan dan petunjuk arah kepada kakitangan yang wajib dilaksanakan dan dipatuhi bagi memastikan RECODA sentiasa konsisten dalam mendukung aspirasi Kerajaan Negeri, 'Sarawak Negeri Maju Berintegriti Tinggi Menjelang 2030'.

RECODA telah diberi mandat, kepercayaan dan tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek pembangunan di seluruh wilayah Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) dan menarik pelaburan berimpak tinggi. Bagi mengekalkan keberkesanan serta kecekapan sistem penyampaian, RECODA juga telah menubuhkan Unit Integriti dan menempatkan dua (2) Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO). Usaha ini merupakan komitmen RECODA untuk mempertingkatkan keberkesanan dan pematuhan ke atas aspek governans dan integriti di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ayuh warga RECODA, marilah bersama menjunjung integriti!



DATU HAJI ISMAWI BIN HAJI ISMUNI

ISI KANDUNGAN

01

PENGENALAN

Latarbelakang Organisasi	5
Fungsi dan Peranan RECODA	6
Visi dan Misi	7
Proses Pembangunan OACP RECODA	10

02

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH RECODA

Pelan Antirasuah Organisasi RECODA (2021-2025)	13
Dasar Integriti RECODA	14
Garis Panduan Asas Kerangka Pelan	15
Kerangka OACP RECODA	16
Bidang-bidang Berisiko	18
Analisa Kuadran Pelan Tindakan OACP RECODA	20
Strategi dan Inisiatif	32
Ringkasan Kerangka OACP RECODA	38

03

TADBIR URUS OACP

Takbir Urus	42
Pelan Pelaksanaan, Pemantauan Dan Penilaian	46

04

KESIMPULAN

Aspirasi	49
Sekalung Budi	50
Peserta Bengkel Pembangunan OACP RECODA (2021-2025)	51
Galeri	54
Pasukan Penyunting	60

PENGENALAN

01

Latarbelakang Organisasi
Fungsi dan Peranan RECODA
Visi Dan Misi
Proses Pembangunan OACP RECODA





LATAR BELAKANG ORGANISASI

Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) merupakan salah satu daripada lima (5) Koridor Ekonomi yang ditubuhkan di Malaysia pada tahun 2008 sebagai sebahagian daripada strategi Kerajaan Persekutuan bagi memastikan keseimbangan ekonomi di Malaysia.

RECODA merupakan badan berkanun negeri Sarawak yang ditubuhkan di bawah *Regional Corridor Development Authorities Ordinance 2006*. Sebagai salah satu koridor. Ekonomi RECODA menggalas tanggungjawab bagi merealisasikan aspirasi Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk membangunkan wilayah SCORE demi kepentingan rakyat.

Pada tahun 2017, peranan RECODA telah berkembang secara signifikan dengan perluasan kawasan SCORE dari wilayah tengah Sarawak ke utara Sarawak yang telah membawa kepada pembentukan tiga (3) agensi pembangunan: *Upper Rajang Development Agency (URDA)*, *Highland Development Agency (HDA)* dan *Northern Region Development Agency (NRDA)*.

Secara keseluruhan, kawasan SCORE yang diamanahkan kepada RECODA untuk tujuan pembangunan kini menjangkau lebih dari 100,000 km² bersamaan sekitar 80 peratus daripada kawasan di seluruh Sarawak.

Peranan utama RECODA merangkumi:

1. Mempromosi dan menarik pelaburan;
2. Bertindak sebagai agensi One Stop Centre bagi pelabur koridor; dan
3. Memudah, menyelaras dan menerajui pembangunan infrastruktur utama yang diperlukan bagi memacu pelaksanaan projek, pelaksanaan projek.

FUNGSI DAN PERANAN RECODA

Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) berperanan memastikan projek-projek pembangunan yang diluluskan kepada Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) di bawah peruntukan pembangunan, dilaksana mengikut perancangan melalui penyelarasan dan pemantauan yang berkesan.

SCORE bermatlamat melonjakkan tahap ekonomi negeri melalui arus pembangunan yang pesat dan rapi pada abad akan datang sekaligus menjadikan Sarawak sebuah negeri perindustrian yang maju berintegriti menjelang 2030.

SCORE komited memacu perkembangan ekonomi dan pembangunan negeri di samping memperbaiki kualiti dan taraf hidup di Sarawak.

SCORE akan membantu mengembangkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) secara konsisten dan mempelbagaikan industri serta kegiatan ekonomi khususnya di kawasan tengah Sarawak, selari dengan program-program yang telah dijadualkan.

Program-program yang dirancang juga bertujuan untuk meningkatkan kuantiti kepakaran tenaga kerja dan juga bermatlamat untuk meningkatkan kualiti modal insan. Selain itu, program tersebut juga akan menjadi pemacu penyediaan peluang pekerjaan.





VISI DAN MISI

VISI :

Agensi utama yang akan mentransformasi kawasan SCORE menjadi rantau yang kompetitif dan progresif melalui pembangunan ekonomi yang mampan.

MISI :

1. RECODA komited untuk membantu mempercepat pertumbuhan ekonomi di kawasan SCORE dengan menarik dan memudahkan pelaburan.
2. Mewujudkan ekosistem yang kondusif kepada pelabur dengan menyediakan kemudahan infrastruktur fizikal, kemudahan untuk kegunaan industri, kemudahan infrastruktur digital dan kemudahan-kemudahan awam.
3. Melaksana pembangunan yang teratur dan seimbang melalui agensi pembangunan di bawah RECODA.
4. Profesional, efisien, efektif dan perkhidmatan mesra-pelanggan kepada semua pemegang taruh dan komuniti amnya.

PROSES PEMBANGUNAN OACP RECODA

1. KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI ORGANISASI

RECODA telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Organisasi (JPTO) yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RECODA dan dianggotai oleh Jawatankuasa Pengurusan RECODA.

Turut sama adalah penubuhan Jawatankuasa Pembangunan OACP RECODA (JP OACP) pada 10 Disember 2020 yang dipengerusikan oleh Ketua Unit Integriti (Pegawai Integriti Bertauliah) dengan keahlian sejumlah 8 orang pegawai kanan berpengalaman yang terdiri daripada Ketua Bahagian, Seksyen dan Unit.

2. BENGKEL PEMBANGUNAN OACP RECODA

Kelulusan Ketua Jabatan

Sebagai bukti komitmen JPTO RECODA, Bengkel Pembangunan OACP telah diadakan pada 21 hingga 23 Disember 2020 bertempat di Penview Convention Centre (PCC) Demak, Kuching.

Analisis data

(Soft data/ Hard Data/Literature Review)

Dengan kerjasama Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION), bengkel ini telah berlangsung dengan jayanya dibantu oleh pakar yang terdiri daripada Pegawai Kanan SPRM Sarawak dan dibantu oleh fasilitator-fasilitator dan Pegawai Integriti Bertauliah daripada agensi luar.

Pada 14 Disember 2020, satu mesyuarat pra-bengkel bersama ketua fasilitator telah dilaksanakan bagi menyemak penyediaan data serta persediaan sebelum bengkel. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh CeLO RECODA dan turut dihadiri oleh kesemua JP OACP RECODA.

Menentukan konteks/ status isu dan mengenalpasti risiko rasuah

Sebagai permulaan bengkel pembangunan OACP RECODA, tatakkerja bagi menentukan serta membincangkan konteks isu governans, integriti dan antirasuah, telah dilaksanakan melalui aktiviti perbincangan kumpulan. Sebanyak lima (5) kumpulan berdasarkan bidang keutamaan telah dibentuk bagi membuat analisa risiko tersebut. Risiko yang dikenalpasti adalah dengan mengambilkira risiko yang telah, sedang dan dijangka akan berlaku.

Menentukan bidang keutamaan, senario dan merangka strategi, pelan dan kaedah pemantauan dan penilaian

Seterusnya, kesemua isu yang telah dikenalpasti dan dibincangkan telah diklasifikasikan mengikut bidang keutamaan di RECODA. Ia meliputi Perolehan, Pengurusan Projek, Kewangan, Governans dan Petadbiran dan Promosi Pelaburan. Kesemua bidang keutamaan ini merupakan bidang yang harus diambil perhatian serius untuk membendung gejala rasuah dan salah guna kuasa di RECODA.

Daripada hasil penentuan risiko serta bidang keutamaan ini, analisa bagi menetapkan pelan tindakan bagi setiap risiko telah dilaksanakan. Analisa ini termasuklah jangka masa pelaksanaan yang merangkumi jangka masa pendek (1-2 tahun), jangka masa sederhana (3-4 tahun) dan jangka masa panjang (5 tahun).

Draf dan Pemurnian OACP, Pembentangan dan Kelulusan daripada JPTO

Setelah melalui fasa pra bengkel, pembentangan draf dan kelulusan daripada JPTO, rangka OACP RECODA telah diperhalusi melalui perbincangan secara komprehensif selama beberapa siri dan berakhir pada 2 Februari 2021, OACP RECODA telah dipersetujui dan percetakan pertama OACP RECODA (2021-2025) Edisi 1 secara rasminya telah disempurnakan.

Penyerahan dan Hebahan OACP RECODA

OACP RECODA (2021-2025) dijangka akan diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak pada 24 Februari 2021. Pelancaran rasmi dan hebahan OACP RECODA (2021-2025) dan pelaksanaan E-OACP RECODA (2021-2025) akan berlangsung pada 3 Mac 2021.




SEKTOR YANG CENDERUNG KEPADA RASUAH (2013-2018) DI MALAYSIA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengenalpasti sektor perolehan sebagai sektor yang paling cenderung kepada rasuah dalam tempoh lima (5) tahun semenjak tahun 2013 dengan mencatatkan angka tertinggi iaitu 42.8 peratus.

Sektor penguatkuasaan mencatatkan 23.9 peratus, sektor pentadbiran dan perlesenan dan permit masing-masing mencatatkan 13.4 peratus dan 8.6 peratus. Sektor pembiayaan dan hasil mencatatkan 8.1 peratus, manakala, lima sektor lain iaitu perniagaan dan industri 1.2 peratus, hal ehwal undang-undang dan kehakiman 0.9 peratus, perkhidmatan 0.5 peratus, pelaburan 0.4 peratus serta pertahanan dan keselamatan 0.1 peratus.

RECODA telah menghantar permohonan bagi penarafan risiko rasuah kepada Badan Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2020.




RECODA telah mengambil langkah proaktif dengan membangunkan OACP ini serta mewujudkan Unit Integriti di RECODA sehingga keputusan penarafan risiko rasuah dan maklumbalas daripada pihak SPRM diperolehi.


Langkah bagi pembangunan OACP RECODA ini melibatkan beberapa proses seperti yang termaktub di dalam Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bil. 1 Tahun 2020.

Sumber : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

STATISTIK TANGKAPAN DAN PERTUDUHAN SALAH LAKU RASUAH DI SARAWAK 2015-2019



Jumlah Tangkapan Mengikut Seksyen



Jumlah Dituduh Mengikut Sektor

Sumber : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH RECODA



02

Pelan Antirasuah Organisasi RECODA (2021-2025)
Dasar Integriti RECODA
Garis Panduan Asas Kerangka Pelan
Kerangka OACP RECODA
Bidang-bidang Berisiko
Analisa Kuadran Pelan Tindakan OACP RECODA
Strategi dan Inisiatif
Ringkasan Kerangka OACP RECODA

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI RECODA (2021-2025)

OACP RECODA (2021-2025) bertujuan menjadikan RECODA agensi yang mengutamakan, membudaya serta mengamalkan integriti dalam usaha mentransformasi SCORE menjadi wilayah yang kompetitif dan progresif melalui pembangunan ekonomi yang mampan.

RECODA terus komited untuk merealisasikan misi RECODA yang merangkumi:

1. Meningkatkan kesedaran serta membudayakan nilai integriti tinggi dalam kalangan warga RECODA dan ke atas pihak berkepentingan.
2. Memerangi rasuah secara konsisten di dalam ekosistem perniagaan RECODA.
3. Mempertingkatkan tadbir urus baik RECODA.
4. Mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan RECODA ke arah profesionalisme berintegriti, cekap dan berintegriti, dan mesra perniagaan dan berintegriti kepada pihak berkepentingan.

Sebagai sebuah organisasi yang telah diberi mandat yang besar oleh Kerajaan, RECODA yakin bahawa kejayaan membangunkan kawasan SCORE di Sarawak haruslah berteraskan budaya prestasi kerja tinggi dan budaya penambahbaikan dan inovasi kerja yang berterusan.

Hal ini bermaksud prinsip utama yang ditekankan oleh RECODA untuk memastikan penyampaian projek yang efektif adalah dengan mengambil kira amalan governans dan pentadbiran berintegriti tinggi.



DASAR INTEGRITI RECODA

RECODA mengamalkan dasar iaitu menjalankan kesemua aktiviti organisasi dengan nilai pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah. RECODA mengambil pendekatan toleransi sifar rasuah dan komited untuk mengamalkan profesionalisme, berlaku adil dan mengamalkan nilai integriti dalam segala urusan bagi melaksana dan menguatkuasa sistem yang berkesan untuk membanteras rasuah.

RECODA komited untuk melaksana dan menguatkuasa dasar-dasar berikut:

1. RECODA mengamalkan dasar sifar toleransi terhadap rasuah secara menyeluruh.
2. RECODA mengamalkan konsep keterbukaan terhadap aduan.
3. RECODA mengamalkan kebebasan fungsi pematuhan dalam perkara berhubung rasuah dan salah guna kuasa.
4. RECODA menjunjung undang-undang yang berkaitan di mana-mana dan pada setiap masa.
5. RECODA akan terus memperkasakan agenda memperkukuhkan Governans, Integriti dan Antirasuah.

GARIS PANDUAN ASAS KERANGKA PELAN



Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran oleh organisasi melalui data. Langkah ini penting untuk membantu organisasi mengenalpasti langkah-langkah pembetulan yang tepat untuk menangani isu rasuah.


Cadangan dasar peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor dan seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan.

Kerjasama dan koordinasi di antara pihak dalaman dan luaran, termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Kerjasama ini membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian sumber dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan.

Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang, dasar dan peraturan sama ada melalui mekanisme semak dan imbang, pencegahan dan latihan. Organisasi perlu mengambil tindakan tegas dan adil pada semua peringkat berlandaskan prinsip perundangan dan undang-undang sedia ada.

Memfokuskan kepada proses pemantauan dan penilaian untuk memastikan semua dasar dan peraturan telah dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya oleh individu atau organisasi. Perkara ini penting untuk memperbaiki dasar dan program sedia ada.

KERANGKA OACP RECODA



INTEGRITI
melakukan perkara yang
betul walaupun tiada siapa
yang melihat.



BIDANG - BIDANG BERISIKO

I. PEROLEHAN

Perolehan merujuk kepada pembelian barangan, perkhidmatan dan kerja oleh RECODA. Oleh kerana perolehan ini melibatkan dana awam, adalah menjadi tanggungjawab RECODA untuk memberi keutamaan kepada kepentingan rakyat. Statistik kesalahan yang diterima oleh SPRM di antara tahun 2013-2018 menunjukkan sektor perolehan merupakan sektor yang paling cenderung kepada salah laku rasuah dengan mencatat 42.8 peratus.



II. PENGURUSAN PROJEK

Pengurusan projek merujuk kepada tatacara pengurusan sesuatu projek mulai daripada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan sehingga projek berkenaan siap sepenuhnya. Projek adalah usaha bertempoh yang bertujuan menghasilkan produk, perkhidmatan atau hasil yang unik dengan permulaan dan akhir yang jelas memberi nilai tambah, serta membawa perubahan serta memanfaatkan rakyat.



III. PENGURUSAN KEWANGAN

Kewangan merujuk pada proses perancangan, pengagihan dan penggunaan tenaga manusia, modal (wang tunai), barangan (aset) dan perolehan untuk memenuhi matlamat sesuatu organisasi.

Pelaksanaan proses ini hendaklah mematuhi undang-undang, prosedur dan arahan yang telah dikuatkuasakan pada masa yang ditetapkan. Pengurusan kewangan yang cekap dan teratur amat penting dalam menguruskan pelbagai sumber yang terhad seperti tenaga manusia, wang, bahan-bahan mentah dan metodologi.



IV. GOVERNANS DAN PENTADBIRAN

Governans dan pentadbiran merujuk kepada sistem peraturan, pengurusan dan pentadbiran badan-badan berkanun selari dengan peruntukan undang-undang dan panduan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Tadbir urus baik akan memastikan organisasi menguruskan dana awam dengan cekap, berkesan dan mengutamakan kepentingan rakyat sebagai pemegang taruh.



V. PROMOSI PELABURAN


Promosi pelaburan merujuk kepada peranan RECODA untuk mempromosikan SCORE kepada para pelabur bagi meningkatkan nilai pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan.



ANALISA KUADRAN PELAN TINDAKAN OACP RECODA

BIDANG KEUTAMAAN

1. Perolehan
2. Pengurusan Projek
3. Kewangan
4. Governans dan Pentadbiran
5. Promosi Pelaburan



STRATEGI 01

Memperkasa dan memperkukuhkan keberkesanan pengurusan perolehan secara intensif, menyeluruh dan mampan.

STRATEGI 02

Memperkukuh kecekapan dan keberkesanan pengurusan projek yang berintegriti.

STRATEGI 03

Mempertingkatkan tadbir urus dan integriti ke arah pengurusan kewangan secara digital.

STRATEGI 04

Memperkasa kecekapan pelaksanaan sumber manusia dan governans secara intensif, menyeluruh dan mampan.

STRATEGI 05

Memperkukuhkan tatacara pematuhan tadbir urus baik dalam sektor pelaburan.

1 2 3 5 6 7 8 10 11 12
 14 15 16 17 18 19 20 21 23
 25 26 29 30 32 33 35 36
 39 40 41 42 44 48 49
 52 54 56 57 60 61
 63 66 67 69 70 71
 72 80 81 83 84
 85 86 87 88
 89 90

A

4 9 13 22 24 27 28 31
 34 37 38 43 45 46 47
 50 51 53 55 58 59 62
 64 65 68 73 74 75 76
 77 78 79 82

B

C

KUADRAN C
 Mewakili inisiatif
 Berimpak Rendah,
 Kompleksiti
 Rendah

D

KUADRAN D
 Mewakili inisiatif
 Berimpak Rendah,
 Kompleksiti
 Tinggi



BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN

BIDANG KEUTAMAAN :		PEROLEHAN		
STRATEGI 1:		MEMPERKASA DAN MEMPERKUKUH KEBERKESANAN PENGURUSAN PEROLEHAN SECARA INTENSIF, MENYELURUH DAN MAMPAN		
OBJEKTIF STRATEGIK		1.1 Memperkasakan keberkesanan dan ketelusan perolehan melalui pengukuhan kerangka perolehan		
		1.2 Memperkasa pematuhan dan pelaksanaan tadbir urus perolehan		
		1.3 Memperkukuhkan integriti dan akauntibiliti melalui pembangunan profesional berterusan		
NO	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
1.1.1	Pegawai memanipulasi harga pada sesuatu sebut harga sesuatu perkhidmatan/ bekalan/ kerja untuk pembelian terus	Mengadakan Program Kesedaran bagi memperkukuhkan integriti pegawai	Seksyen Perolehan Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Meningkatkan kompetensi melalui latihan mengenai Tatacara/ Undang-Undang berkaitan Perolehan	Seksyen Perolehan Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Memberi ganjaran terhadap pegawai yang melaporkan tindakan salah laku berhubung kesalahan memanipulasi harga pada sebut harga sesuatu perkhidmatan/ bekalan/ kerja untuk pembelian terus	Seksyen Perolehan Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Mengenaikan tindakan punitif kepada pegawai yang mendedahkan maklumat sulit berhubung maklumat sebut harga perkhidmatan /bekalan /kerja untuk pembelian terus	Seksyen Perolehan Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Menambahbaik SOP proses pembelian terus dengan melantik "pegawai perolehan" bagi setiap bahagian/ seksyen/ unit	Seksyen Perolehan Unit Integriti	Tempoh 1 Tahun (2021)
		Memperkukuh pelaksanaan ke atas <i>Integrity Pact</i>	Seksyen Perolehan Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN :		PEROLEHAN		
STRATEGI 1:		MEMPERKASA DAN MEMPERKUKUH KEBERKESANAN PENGURUSAN PEROLEHAN SECARA INTENSIF, MENYELURUH DAN MAMPAN		
OBJEKTIF STRATEGIK		1.1 Memperkasakan keberkesanan dan ketelusan perolehan melalui pengukuhan kerangka perolehan		
		1.2 Memperkasa pematuhan dan pelaksanaan tadbir urus perolehan		
		1.3 Memperkukuhkan integriti dan akauntibiliti melalui pembangunan profesional berterusan		
NO	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
1.2.1	Pegawai tidak mematuhi proses tender dengan memecah kecil perolehan yang menyebabkan perkhidmatan/ bekalan/ kerja tidak memenuhi spesifikasi	Meningkatkan kompetensi melalui latihan mengenai Tatacara/ Undang-Undang berkaitan Perolehan	Seksyen Perolehan Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 3 Tahun (2021-2023)
		Memberi ganjaran kepada pegawai yang melaporkan tindakan salah laku	Seksyen Perolehan Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Mengenaikan tindakan punitif terhadap pegawai yang melanggar SOP perolehan	Seksyen Perolehan Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Menambahbaik SOP pembelian terus dengan menyenaraikan secara terperinci skop perkhidmatan/ bekalan/ kerja	Seksyen Perolehan Unit Integriti	Tempoh 1 Tahun (2021)
1.2.2	Pegawai membocorkan maklumat perolehan kepada pihak yang berkepentingan	Meningkatkan kesedaran mengenai Akta Rahsia Rasmi 1972 dan undang-undang berkaitan perolehan	Seksyen Perolehan Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 3 Tahun (2021-2023)
		Memberi ganjaran terhadap pegawai yang melaporkan kesalahan membocor maklumat perolehan	Seksyen Perolehan Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Mengenaikan tindakan punitif terhadap pegawai yang mendedahkan maklumat sulit perolehan	Seksyen Perolehan Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Menambahbaik pelaksanaan pematuhan ke atas pengendalian dokumen terperinci	Seksyen Perolehan Unit Integriti	Tempoh 1 Tahun (2021)
		Melantik Ce/O sebagai pemerhati di setiap peringkat Jawatankuasa Perolehan	Seksyen Perolehan Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN :		PEROLEHAN		
STRATEGI 1:		MEMPERKASA DAN MEMPERKUKUH KEBERKESANAN PENGURUSAN PEROLEHAN SECARA INTENSIF, MENYELURUH DAN MAMPAN		
OBJEKTIF STRATEGIK		1.1 Memperkasakan keberkesanan dan ketelusan perolehan melalui pengukuhan kerangka perolehan		
		1.2 Memperkasa pematuhan dan pelaksanaan tadbir urus perolehan		
		1.3 Memperkukuhkan integriti dan akauntibiliti melalui pembangunan profesional berterusan		
NO	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
1.3.1	Pegawai tidak kompeten dalam menentukan kos juru perunding semasa penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan (CTK)	Meningkatkan kompetensi melalui latihan mengenai Tatacara/ Undang-Undang berkaitan perolehan	Seksyen Perolehan Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 3 Tahun (2021-2023)
		Mengenaikan tindakan punitif terhadap pegawai yang tidak mematuhi pekelliling cadangan teknikal dan kewangan	Seksyen Perolehan Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Meningkatkan pematuhan proses kerja berdasarkan panduan dan prosedur dengan mewajibkan lampiran terma rujukan diedar kepada semua ahli jawatankuasa	Seksyen Perolehan Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN : PEGURUSAN PROJEK

BIDANG KEUTAMAAN :		PENGURUSAN PROJEK		
STRATEGI 2:		MEMPERKUKUH KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENGURUSAN PROJEK YANG BERINTEGRITI		
OBJEKTIF STRATEGIK		2.1 Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Projek Yang Berintegriti		
NO	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
2.1.1	Pegawai berpakat dengan pembekal bahan binaan dalam menetapkan spesifikasi reka bentuk dan pembinaan	Memperkenalkan dan memperkukuhkan mekanisme kelulusan reka bentuk, pemilihan dan penetapan bahan binaan berdasarkan <i>performance specification</i>	Bahagian Pengurusan Projek	Tempoh 1 Tahun (2021)
		Melaksanakan penggiliran skop tugas	Bahagian Pengurusan Projek Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Memperingkatkan kompetensi pegawai	Bahagian Pengurusan Projek Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 2 Tahun (2021-2022)
		Mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang membuat pakatan bersama pembekal bahan binaan	Bahagian Pengurusan Projek Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN :		PENGURUSAN PROJEK		
STRATEGI 2:		MEMPERKUKUH KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENGURUSAN PROJEK YANG BERINTEGRITI		
OBJEKTIF STRATEGIK		2.1 Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Projek Yang Berintegriti		
NO	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
2.1.2	Pegawai bersekongkol dengan perunding/kontraktor bagi memperakukan kemajuan kerja bagi tujuan pembayaran	Melaksanakan program kesedaran Antirasuah di peringkat organisasi	Bahagian Pengurusan Projek Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Pengisian jawatan pegawai di peringkat agensi-agensi RECODA	Bahagian Pengurusan Projek Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 1 Tahun (2021)
		Memperkasakan <i>Gift Policy</i> selari dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998.	Bahagian Pengurusan Projek Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 1 Tahun (2021)
		Mewujudkan garis panduan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 di peringkat RECODA	Bahagian Pengurusan Projek Seksyen Sumber Manusia Seksyen Undang-undang dan Risiko	Tempoh 1 Tahun (2021)
		Mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang melakukan kesalahan memperakukan bayaran kemajuan kerja	Bahagian Pengurusan Projek Unit Audit Dalaman Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
2.1.3	Pegawai memanipulasi penyediaan laporan kemajuan projek bersama perunding dan kontraktor	Mewujudkan mekanisme pemantauan kemajuan projek	Bahagian Pengurusan Projek Unit Audit Dalaman Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Mempertingkatkan kompetensi pegawai bagi proses penyediaan laporan kemajuan projek	Bahagian Pengurusan Projek Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Melaksanakan Kursus Kesedaran Integriti dan Antirasuah	Bahagian Pengurusan Projek Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 3 Tahun (2021-2023)
		Mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang memanipulasi penyediaan laporan kemajuan projek bersama perunding dan kontraktor	Bahagian Pengurusan Projek Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN :		PENGURUSAN PROJEK		
STRATEGI 2:		MEMPERKUKUH KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN PENGURUSAN PROJEK YANG BERINTEGRITI		
OBJEKTIF STRATEGIK		2.1 Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Projek Yang Berintegriti		
NO	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
2.1.4	Pegawai tidak mematuhi kriteria Pengesyoran Perakuan Siap Kerja (CPC), Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) dan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad (Final/Closing Account) yang tidak memenuhi kriteria	Mewujudkan mekanisme bagi proses Pengesyoran Perakuan Siap Kerja (CPC), Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) dan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad (Final/Closing Account)	Bahagian Pengurusan Projek	Tempoh 1 Tahun (2021)
		Mempertingkatkan kompetensi pegawai dalam proses Pengesyoran Perakuan Siap Kerja (CPC), Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) dan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad	Bahagian Pengurusan Projek Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 3 Tahun (2021-2023)
		Mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang mengesyorkan Perakuan Siap Kerja (CPC), Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) dan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad yang tidak memenuhi kriteria	Bahagian Pengurusan Projek Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
2.1.5	Pegawai kurang kompeten dalam menentukan kos juru perunding ke atas proses Cadangan Teknikal dan Kewangan (CTK)	Meningkatkan kompetensi melalui latihan mengenai Tatacara/ Undang-Undang berkaitan Perolehan Perkhidmatan Perunding	Bahagian Pengurusan Projek Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 3 Tahun (2021-2023)
		Memberi ganjaran terhadap pegawai yang melaporkan tindakan salah laku berhubung kesalahan mengubah format penilaian perunding	Seksyen Perolehan Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Menambahbaik format penilaian perunding yang standard dan kekal berdasarkan panduan dan perosedur yang terpakai	Seksyen Perolehan Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 2 Tahun (2021-2022)
		Mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang mengubah format penilaian perunding	Seksyen Perolehan Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN : KEWANGAN

BIDANG KEUTAMAAN :		KEWANGAN		
STRATEGI 3:		MEMPERTINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI KE ARAH PENGURUSAN KEWANGAN SECARA DIGITAL		
OBJEKTIF STRATEGIK		3.1 Memastikan Keberkesanan, Kecekapan, Pematuhan, Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pentadbiran Kewangan RECODA		
		3.2 Meningkatkan Ketelusan Pengurusan Kewangan, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan dan Salahguna Kuasa		
NO	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
3.1.1	Pegawai membuat pembelian / mendapatkan perkhidmatan / bekalan tidak mengikut belanjawan asal yang diluluskan	Mempertingkatkan kawalan perbelanjaan (<i>e-budgetary control</i>)	Seksyen Kewangan	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
3.1.2	Pegawai memohon/ mengguna Bekalan dan perkhidmatan sebelum SO/PO dikeluarkan	Memperkuatkan pematuhan ke atas prosedur perolehan bekalan /perkhidmatan / barangan dengan memperkenalkan proses permohonan SO/PO secara digital	Seksyen Kewangan Unit Pentadbiran Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang tidak mematuhi SOP Bekalan / perkhidmatan	Seksyen Kewangan Unit Pentadbiran Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
3.1.3	Pegawai melakukan lebihan bayaran atau kesilapan pembayaran sehingga menyebabkan kerugian	Menguatkan pelaksanaan tatacara pembayaran kewangan	Seksyen Kewangan Unit Pentadbiran Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 1 Tahun (2021)
3.1.4	Pegawai tidak mengeluarkan resit terimaan	Memperkuatkan pelaksanaan tatacara kewangan yang berkaitan	Seksyen Kewangan Unit Pentadbiran Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang tidak mengeluarkan resit terimaan	Seksyen Kewangan Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN :		KEWANGAN		
STRATEGI 3:		MEMPERTINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI KE ARAH PENGURUSAN KEWANGAN SECARA DIGITAL		
OBJEKTIF STRATEGIK		3.1 Memastikan Keberkesanan, Kecekapan, Pematuhan, Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pentadbiran Kewangan RECODA 3.2 Meningkatkan Ketelusan Pengurusan Kewangan, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan dan Salahguna Kuasa		
NO	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
3.2.1	Pegawai memalsukan tandatangan penandatangan yang telah diberi kuasa bagi cek, <i>telegraphic transfer</i> dan <i>bank draft</i>	Menggunakan teknologi digital untuk pengenalan tandatangan penandatangan yang diberi kuasa	Seksyen Kewangan Unit Teknologi Maklumat	Tempoh 1 Tahun (2021)
		Mengenaikan tindakan punitif terhadap pegawai yang melakukan lebihan bayaran atau kesilapan pembayaran sehingga menyebabkan kerugian	Seksyen Kewangan Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021 - 2025)
3.2.2	Pegawai menyalahgunakan hak capaian (<i>access right</i>) ke atas pembayaran atas talian	Mengenaikan tindakan punitif terhadap pegawai yang memalsukan tandatangan penandatangan yang telah diberi kuasa bagi cek, <i>telegraphic transfer</i> dan <i>bank draft</i>	Seksyen Kewangan Unit Teknologi Maklumat Unit Integriti Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
		Meningkatkan pemahaman dan penghayatan pegawai bagi memperkukuhkan kepatuhan kepada Dasar Keselamatan ICT (DKICT).	Seksyen Kewangan Unit Teknologi Maklumat	Tempoh 1 Tahun (2021)
		Pengendalian fail digital kewangan melalui kaedah keselamatan (<i>encrypt</i>)	Seksyen Kewangan Unit Teknologi Maklumat	Tempoh 1 Tahun (2021)
		Memperkukuhkan kawalan akses pengguna ke <i>Financial & Accounting System (FAS)</i>	Seksyen Kewangan Unit Teknologi Maklumat	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)

BIDANG KEUTAMAAN : GOVERNANS DAN PENTADBIRAN

BIDANG KEUTAMAAN :		GOVERNANS DAN PENTADBIRAN		
STRATEGI 4:		MEMPERKASA KECEKAPAN PELAKSANAAN SUMBER MANUSIA DAN GOVERNANS SECARA INTENSIF, MENYELURUH DAN MAMPAN		
OBJEKTIF STRATEGIK		4.1 Merekayasa Kecekapan Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik		
		4.2 Membangunkan Modal Insan dan Menambahbaik Kecekapan di Kalangan Pegawai Awam		
		4.3 Mengalakkan Merit dan Integriti dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Perlantikan		
		4.4 Memperkasakan Sistem tadbir Urus Melalui Mekanisme yang Telus dan Berintegriti		
		4.5 Meningkatkan Keberkesanan dan Kredibiliti Pelaksanaan Undang-Undang		
		4.6 Memperkasakan Perkhidmatan Infrastruktur ICT dan Keselamatan Siber		
NO	RISIKO	INISIATIF	PENERAJU	TEMPOH MASA
4.1.1	Pegawai gagal hadir di tempat kerja pada masa yang ditetapkan.	Memperkuuhkan mekanisme pemantauan kehadiran pegawai	Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 1 Tahun (2021)
		Mewujudkan program kaunseling untuk pegawai yang telah dikenalpasti sebagai bemasalah	Seksyen Sumber Manusia	Tempoh 1 Tahun (2021)
		Mengenaikan tindakan punitif terhadap pegawai yang tidak mematuhi waktu kerja yang ditetapkan	Seksyen Sumber Manusia Unit Integriti	Tempoh 5 Tahun (2021-2025)
